

1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
2 ½ jam



JABATAN PELAJARAN NEGERI
TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2008
TINGKATAN EMPAT

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi soalan 2(b), soalan 2(c) dan soalan 2(d) berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

1103/2

Lihat sebelah

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang usaha - usaha yang perlu dilakukan untuk mencapai kecemerlangan pendidikan dan faedahnya kepada negara. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Isu kecemerlangan pendidikan telah lama disedari dan diperkatakan. Hasrat menghasilkan pendidikan cemerlang tentu sekali melibatkan pelbagai aspek dalam proses pengajaran dan pendidikan selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPN), yang bertujuan untuk melahirkan insan yang baik lagi sempurna dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Menyedari hakikat itu, pendidikan di Malaysia harus berubah agar dapat menghadapi pelbagai cabaran pada abad ke-21 ini.

Kecemerlangan pendidikan haruslah bermula daripada kecemerlangan akademik. Oleh itu, pembangunan akademik mestilah menjadi tugas dan kegiatan utama di sekolah di samping kegiatan kokurikulum sebagai kegiatan sokongan ke arah pendidikan cemerlang. Walau bagaimanapun, peranan sekolah sahaja tidak cukup. Ibu bapa, pentadbir, pelajar, malah seluruh ahli masyarakat harus peka terhadap perkembangan akademik dan harus memberikan sokongan moral, idea, atau material kepada pihak sekolah. Dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), pengajaran nilai telah diselitkan dalam mata pelajaran pilihan seperti mata pelajaran Moral dan Sivik, dan hal ini merupakan langkah yang amat baik untuk menerapkan nilai-nilai mulia, seperti rajin, amanah, bertanggungjawab, dan beradab. Di samping itu, KBSM memberikan nilai yang rendah kepada kelakuan negatif, seperti malas, nakal, sikap tiada apa, cuai, dan berdusta.

Sekolah perlu merangkakan rancangan dan menyusun strategi dengan teliti dan mesti mengekalkan disiplin yang baik bagi memastikan kecemerlangan akademik tercapai. Pelajar berdisiplin bukan kerana takut hukuman, tetapi mereka faham bahawa disiplin itu baik. Justeru, pengajaran dan semua aktiviti di sekolah dapat dilaksanakan dengan baik tanpa gangguan.

Selain itu, pihak sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) perlu mempunyai hubungan yang rapat supaya usaha mengawal pelajar di sekolah dapat diteruskan di rumah oleh ibu bapa masing-masing. Dengan ini, ibu bapa dapat memastikan pembelajaran anak-anak dipantau oleh mereka. Secara tidak langsung, PIBG menuntut setiap warganya memberikan fokus untuk membantu merealisasikan wawasan pendidikan.

(Dipetik dan diubahsuai daripada "Kecemerlangan Pendidikan" Haslina Hassan, *Berita Harian*, 14 Jun 2004)

Soalan 2 : Pemahaman

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *merealisasikan wawasan*. [2 markah]
- (ii) Apakah peranan yang harus dimainkan oleh ibu bapa untuk memastikan kecemerlangan pendidikan? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah halangan-halangan yang dihadapi oleh pelajar untuk mencapai kecemerlangan dalam pendidikan? [4 markah]

Soalan 2(b) - Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- UMAR : *(Tidak bergerak)* Aku bahagia dengan caraku.
- SAFIAH : *(Memegang lengan Umar, merayu manja)* Aku ingin mendapat sekali peluang ke luar negeri, duduk di sana.
- UMAR : *(Menoleh memandang kekasihnya, nada lembut sedikit)* Mungkin satu hari, Piah.
- SAFIAH : *(Kesal kerana gagal)* Tidak! Sekarang inilah peluangnya! Kau harus menentukan masa depanmu. *(Wajah Umar beku semua. Dia berpaling, merokok, membisu. Safiah memandangnya dengan kesal)* Kalau aku jadi kau, kalau aku jadi lelaki masuk universiti, aku akan membahagiakan tunangku.
- UMAR : Dan kalau aku jadi kau, aku mengajak kekasihku berbakti. *(Wajahnya sedih, bermenung memandang ke masa silam, rokok terbiar di celah jarinya, pengucapannya tenang dan lambat, mengenang)* Kau tak tahu, Piah. Sayang, Kau tak melihat bagaimana aku kecil-kecil dulu, pergi ke sekolah dengan kaki ayam, berjalan di atas batas-batas sawah. Ibu sakit-sakit dan ayah pergi ke hutan bekerja balak. Kadang-kadang kami makan sekali sehari. Aku ke sekolah dengan perut lapar, tak membawa wang satu sen pun...*(Safiah mendengar terpesona, wajahnya turut sedih, matanya terpaku ke wajah Umar)* Dan kau

menemui aku ketika aku sudah menjadi mahasiswa, dengan buku-buku, dalam kuliah....Kalau kau menyayangi aku dulu lagi, kita akan lebih bahagia....(*Tiba-tiba berpaling menghadapi Safiah*) Tanyalah dirimu, Piah, apa yang membawa hatimu padaku? Aku anak kampung, aku dilahirkan di atas tikar di lantai nibung. Kalau kau mengasihi aku kerana aku mahasiswa, maka kasih itu tak akan kekal. Kalau kau mencintai aku kerana kau menggantungkan cita-citamu untuk ke luar negeri, maka kasih itu akan malap nanti. Kasihlah padaku kerana aku. Aku, bukan kerjaku, bukan pelajaranku. Aku pun sayang padamu bukan kerana kau cantik sahaja, bukan kerana kau anak pegawai tinggi dalam Kementerian Pelajaran, tapi kerana dirimu, sifatmu. (*Mata Safiah terpaku ke mata kekasihnya. Bibir Safiah menggeletar, bergerak-gerak seolah-olah hendak mengatakan sesuatu, tapi suaranya tak keluar*).

(Dipetik dan diubah suai daripada drama "Serunai Malam"
oleh Usman Awang dalam antologi Anak Laut,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Gambarkan keadaan Umar ketika ke sekolah pada masa dahulu?
[2 markah]
- (ii) Sekiranya anda seorang guru, nyatakan tindakan yang dapat anda ambil untuk membantu Umar di sekolah.
[3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** latar masyarakat daripada petikan dan **satu** latar masyarakat daripada keseluruhan drama.
[4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Adalah seekor bayan tiga ekor anaknya, berdiam ia pada suatu lubang kayu. Adapun pada pohon kayu itu ada suatu lubang kayu. Adapun pada pohon kayu itu ada cerpelai beranak anak muda. Sebermula, adapun anak bayan itu bersahabat dengan anak cerpelai. Maka kata bayan kepada anaknya, "Jangan apalah, hai anakku, engkau bersahabat dengan anak cerpelai itu, kerana ia binatang yang tiada teguh setianya!"

Beberapa pula dikatakan oleh ibu bapanya, tiada juga diturut oleh anak bayan itu. Maka kata bayan kepada anaknya, "Engkau ini adalah seperti hikayat anak kera bersahabat dengan anak saudagar, maka ia beroleh kemaluan dan kejahatan daripada tiada ia menuruti kata bapanya."

Maka sahut bayan itu, "Hai bapaku, hikayatkanlah supaya kudengar, betapa juga peri hikayat kera itu!"

Maka kata bapanya, "Ada seekor kera, konon, bersahabat dengan anak saudagar. Beberapa pun dilarang oleh ibu bapanya, tiada juga didengar oleh kera itu, jadi ia beroleh kejahatan daripada tiada ia menuruti kata bapanya. Maka senantiasa hari anak kera itu pergi bermain-main dengan anak saudagar itu. Maka kata bapanya, "Hai anak-anakku, jangan engkau bersahabat dengan anak saudagar itu, kerana ia manusia, kita binatang!"

(Dipetik daripada 'Cerita Bayan Tiada Menurut Kata Ibu Bapanya' dalam antologi *Anak Laut*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Mengapakah Bayan menghalang anaknya bersahabat dengan anak cerpelai. Apakah usaha yang dilakukannya untuk menghalang persahabatan itu ?
- [4 markah]
- (ii) Selain menceritakan kisah-kisah sebagai teladan, kemukakan empat cara yang boleh ibu bapa lakukan untuk mendidik anak-anak.
- [4 markah]

Soalan 2(d) - Petikan Puisi

Baca gurindam di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

GURINDAM BARIS HADAPAN

Tidak berbuat walaupun tahu,
Diambil pengayuh dibuang perahu.

Tidak tahu tapi berbuat,
Kayuh perahu di atas darat.

Banyak bercakap tak baca buku
Macam membawa duit tak laku.

Kurang berfikir rajin membangkang,
Bila-bila pun di baris belakang.

Jika ilmu dikaji teliti,
Di sungai cabaran tersedia titi.

Ilmu dituntut dengan tabah,
Yakin diri bertambah-tambah.

Membaca buku karangan tokoh
Bagai berpaut di dahan kukuh.

Kembang ilmu tegak wibawa
Seluruh rakyat tidak kecewa.

Antologi Anak Laut

Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Apakah keistimewaan orang yang berilmu berdasarkan puisi di atas? [3 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah yang wajar dilakukan oleh generasi muda untuk menguasai ilmu? [3 markah]
- (iii) Nyatakan **tiga** perkara yang boleh dijadikan panduan hidup seperti yang terdapat dalam puisi di atas? [3 markah]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksudnya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan serta menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.

- (i) dawai - pendawaian
- (ii) periksa - pemeriksaan
- (iii) muafakat - permuafakatan

[6 markah]

(b) Tulis petikan di bawah ini dalam bentuk cakap ajuk. Anda dikehendaki mengekalkan susunan isi dalam petikan ini.

Azmi menelefon Nazri supaya datang ke sekolah pada petang ini untuk menyiapkan kerja kursus. Nazri memberitahu Azmi bahawa beliau tidak boleh datang kerana ibu dan ayahnya pergi ke hospital menziarahi jirannya yang sakit. Azmi bercadang untuk pergi ke rumah Nazri. Beliau menjelaskan bahawa beliau akan ke sana bersama Zaki dan Munir. Nazri memberitahu Azmi bahawa beliau akan menelefon ayahnya dahulu untuk meminta kebenaran dan kemudiannya akan menelefon Azmi untuk menyatakan keputusannya. Azmi bersetuju dan berharap agar Nazri dapat memberikan keputusan tersebut dengan segera.

[6 markah]

(c) Dalam ayat di bawah terdapat **satu** kesalahan ejaan dan **satu** kesalahan penggunaan imbuhan. Kenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut dan betulkan dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Kemalangan jalanraya akan meningkat apabila tibanya musim cuti sekolah dan musim raya.
- (ii) Syarikat-syarikat insuran bertungkus-lumus memperkembangkan aktiviti mereka untuk meningkatkan jumlah keahlian.
- (iii) Para perniaga mengambil kesempatan menaikkan harga barangan keperluan berikutan kenaikan harga petroleum.

[6 markah]

(d) Dalam ayat di bawah terdapat *satu* kesalahan penggunaan kata atau istilah dan *satu* kesalahan tatabahasa. Kenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut dan betulkan dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Para pengunjung telah menyampaikan terima kasih kepada pihak penganjur kempen itu di atas usaha mereka memberikan kesedaran tentang kesan obesiti kepada individu
- (ii) Dia merasa dukacita apabila perjalanan pesawat yang dijangka berlepas pada jam tiga petang terpaksa ditunda.
- (iii) Ibu menyuruh adik meletakkan pasu bunga di mana yang sesuai di dalam rumah kerana ibu sibuk mengemaskan bunga-bunga untuk hiasan meja.

[6 markah]

(e) Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian kemukakan satu peribahasa bagi menggambarkan situasi yang terdapat dalam petikan itu.

- (i) Dahulu saya tidak menghiraukan teguran dan nasihat yang diberikan oleh guru-guru saya, tetapi setelah mengalami kegagalan, barulah saya menyesali akan kesalahan saya.
- (ii) Zetty merupakan seorang pelajar yang dibesarkan di bandar dan sentiasa hidup mewah. Dia pandai menyesuaikan dirinya dengan suasana perkampungan ketika menyertai Program Anak Angkat.
- (iii) Kita mestilah berusaha bersungguh-sungguh tanpa jemu untuk mencapai kejayaan, dan jangan mengharapkan kejayaan itu datang dengan sendirinya tanpa usaha yang gigih.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab kedua-dua soalan di bawah. Jawapan anda hendaklah berdasarkan novel yang pernah anda pelajari.

- (i) *Terminal Tiga* karya Othman Puteh
 - (ii) *Seteguh Karang* karya Tuan Faridah Syed Abdullah
-
- (a) Watak utama sesebuah novel sering menghadapi pelbagai masalah. Berdasarkan novel yang telah anda pelajari, nyatakan dua masalah yang dihadapi dan jelaskan bagaimana watak tersebut menyelesaikan masalah yang dihadapinya
[7 markah]
 - (b) Huraikan tiga latar masyarakat yang terdapat dalam novel yang anda pelajari.
[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT